

# Terengganu tetap calonkan Dr M, Pak Lah

BH 27 FEB 2000

**KUALA TERENGGANU:** Umno Terengganu tetap mempertahankan dan akan memastikan semua bahagian Umno di negeri ini tidak mencalonkan pemimpin lain, termasuk Tengku Razaleigh Hamzah untuk bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden pada pemilihan parti, Mei ini.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Ismail Said, berkata Umno negeri tidak mahu kedudukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi digugat kerana sudah membuat keputusan su-

paya dua jawatan tertinggi parti tidak dipertandingkan.

“Umno negeri membuat keputusan itu kerana tidak mahu Umno terus berpecah serta menjejaskan rancangan kita untuk mengukuh dan memantap parti,” katanya.

Beliau berkata, tambahan pula jika dua jawatan tertinggi parti itu dipertandingkan, Umno akan dilihat sebagai sebuah parti yang tidak padu, malah bertelagah sesama sendiri.

“Jika ada pihak terus membenarkan Tengku Razaleigh bertanding satu daripada dua jawatan tertinggi parti, mungkin peristiwa 1987 boleh ter-

cetus kembali dan Umno terus berpecah belah,” katanya.

Mengenai calon dari Terengganu yang akan bertanding ahli Majlis Tertinggi (MT) parti Mei ini, Ismail berkata, setakat ini, Datuk Dr Yusof Noor yang akan mempertahankan jawatan itu, sementara Datuk Tengku Mahmud Mansor dan Awang Jabar, masing-masing menawarkan diri bertanding jawatan itu.

Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno negeri, Datuk Idris Jusoh pula belum membuat keputusan mengenai perkara itu.